

Jangan salah guna sistem demokrasi

B.H - 7 NOV 1992

KUALA LUMPUR, **Jumaat** — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** memberi amaran bahawa kegagalan mengamalkan demokrasi akan menyebabkan sesebuah nkgara dibahagi-bahagikan kepada negara-negara kecil.

Sehubungan itu, Presiden Umno menegaskan: "Umno tidak akan membenarkan mana-mana pihak memecahbelahkan negara dan akan mempertahankan kebebasan dan hak kita. Malaysia adalah negara yang merdeka".

Dr Mahathir menegaskan bahawa demokrasi yang disalahgunakan akan hanya membawa sesebuah negara beralih kepada sistem satu parti atau pemerintahan kuku besi.

Sebagai bukti, beliau berkata banyak negara yang mencapai kemerdekaan bersama dengan Malaysia, gagal mengamalkan demokrasi.

"Akhirnya mereka beralih kepada sistem satu parti atau pemerintahan kuku besi. Negara komunis yang baru-baru ini beralih kepada demokrasi, sedang menghadapi masalah besar," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang penuh sesak, hari ini.

diadakan 'referendum' dan mengadakan rancangan tertentu untuk mengambil alih fungsi keselamatan, tidakkah ini menunjukkan percubaan untuk keluar dari Malaysia?," tanyanya.

Dr Mahathir menjelaskan amalan demokrasi sebagai kaedah pemerintahan yang lebih mampu memberi keadilan kepada rakyat, berjalan dengan baik sama ada di dalam Umno atau di negara ini.

Sambil menegaskan sistem demokrasi secocok dengan Islam, Presiden Umno itu mengingatkan perwakilan bahawa sistem saja tidak menjamin kejayaan sesuatu pemerintahan.

Begitupun, Dr Mahathir menjelaskan, ada ketiaknya kepemimpinan Umno terpaksa memben-dung suara ahli parti se-perti yang berlaku pada perhimpunan agung pada 1990 dan tahun lalu apabila soal raja dibangkitkan.

"Ahli parti tidak begitu senang dengan pembabitan raja dalam politik dan perniagaan. Tuduhan dibuat oleh pihak tertentu bahawa ini semua adalah diusahakan oleh pucuk pimpinan parti untuk menghasut ahli. Tetani suara ahli parti tidak harus dipandang ringan.

"Sebenarnya, kepemimpinan partilah yang mem-

mendapat apa-apa hasil daripada sistem pasaran bebas yang dikatakan membawa kejayaan kepada negara Barat.

Yang nyata, kata Perdana Menteri ialah mereka miskin dan terletak di bawah telunjuk kuasa asing yang dulunya bermusuh dengan mereka.

"Malaysia adalah negara yang aman, tetapi janganlah digugat keamanan ini dengan membakar perasaan kesukuan dan kenegerian. Sekali kewarasan tikiran diganti dengan emosi, amatlah sukar bagi mereka yang membangkitkan perasaan ini meredakan keadaan," katanya.

"Segala masalah pembentukannya sudah diselesaikan sebelum Malaysia ditubuhkan. Sesiapa yang cuba bersubahat dengan orang asing untuk mencabul kemerdekaan negara ini, adalah penderhaka negara. Justeru itu, janganlah bermain dengan api."

Katanya, jika Barisan Nasional (BN) tidak dapat memerintah mana-mana negeri di Malaysia tidak mengapa.

"Kita terima keputusan demokratik rakyat. Tetapi janganlah mana-mana pihak atau negeri cuba mengancam persekutuan negara ini. Tanggungjawab Pusat adalah jelas. Ia akan mempertahankan

Dalam ucapan satu jam 10 minit bertemakan 'Ke Arah Meningkatkan Maruah Bangsa', Dr Mahathir menegaskan pemimpin dan rakyat harus faham mengenai cara untuk mendapatkan kebaikan daripada sistem demokrasi.

"Alhamdulillah, demokrasi di Malaysia berjalan dengan baik. Sistem pemerintahan yang kita pinjam ini bukanlah sistem yang mudah yang boleh diamalkan oleh sesiapa saja," jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, di Malaysia ada juga kumpulan yang ingin memecahkan negara kepada negara kecil.

"Apabila dituduh, mereka menyangkal niat mereka itu. Tetapi dengan membuat tuntutan supaya disemak semula perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, menuntut supaya

bendung perasaan dan menghalang ahli Umno dan orang ramai daripada mengkritik raja. Sekatan ini sebenarnya tidak sihat dan bertentangan dengan asas-asas demokrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata demokrasi sebagai sistem pemerintahan yang dipinjam bukanlah mudah dan boleh diamalkan oleh sesiapa saja.

Katanya, kegagalan mengamalkan demokrasi menimbulkan ketidakstabilan politik serta tuntutan puak minoriti untuk mendirikan negara sendiri sehingga mencetuskan peperangan seperti di bekas republik Yugoslavia dan Czechoslovakia.

Menurutnya, tidak nampak nikmat yang diperolehi oleh rakyat negara baru itu setelah memilih sistem demokrasi. Mereka juga tidak

persekutuan dan kemerdekaan negara ini dengan apa jua cara," katanya.

Presiden Umno turut menghuraikan secara terperinci mengenai Islam dan cabaran kini. Katanya, pendirian Umno terhadap Islam jelas iaitu berpegang kepada ajaran agama sebenar dengan mengimbangi dunia dan akhirat.

Islam memberi banyak kelonggaran dalam semua bidang dan ajaran Islam mengambil kira keadaan sekeliling dalam pelaksanaan sesuatu yang diwajibkan agama.

Oleh itu, katanya, Umno akan bersahabat dengan bukan Islam yang tidak memusuhi orang Islam serta bekerjasama dengan mereka. Penerimaan orang bukan Islam ke dalam Umno tidak menjejaskan perjuangan parti untuk Islam.